

19 FEB 2003

Polis-Keselamatan

NAM: POLIS JAMIN KESELAMATAN DI SELURUH NEGARA TERKAWAL

KUANTAN, 19 Feb (Bernama) -- Keadaan keselamatan di dalam negara tidak terjejas walaupun lebih 8,500 anggota polis dari negeri-negeri kini berkhidmat pada Sidang Kemuncak Pergerakan Negara-negara Berkecuali (NAM) ke-13 di Kuala Lumpur.

Timbalan Ketua Polis Negara, Tan Sri Mohd Jamil Johari berkata, walaupun anggota yang bertugas di negeri berkurangan tetapi jumlah itu mencukupi untuk menjaga keselamatan dan keamanan di seluruh negara.

"Ini perkara biasa kalau ada perkara besar berlaku di Kuala Lumpur, kita dapatkan bantuan anggota dari negeri lain.

"Misalnya ada 5,000 anggota di Pahang dan kita pinjam 500, maka yang 4,500 anggota itu akan kerja lebih...lepas itu semua anggota balik semula, tak jadi masalah," katanya kepada pemberita selepas majlis lawatan perpisahannya ke Ibu Pejabat Kontigen Pahang di sini hari ini.

Jamil berkata, Malaysia merupakan sebuah negara yang aman damai dan jumlah anggota polis sedia ada di negeri-negeri di seluruh negara dapat menampung keperluan keselamatan pada masa ini.

Sementara itu pada sidang media yang sama, Ketua Polis Pahang, Datuk Mat Drus Sudin berkata, siasatan polis berkaitan kes melanggar peraturan di bawah Akta Pemuliharaan Tanah 1960 di Cameron Highlands, di jangka dapat diselesaikan dalam tempoh seminggu lagi.

Mat Drus berkata, penyiasatan dibuat setelah pihaknya menerima satu laporan bahawa syarikat terbabit telah melanggar peraturan di bawah Seksyen 6, Akta Pemuliharaan Tanah 1960.

"Semasa lawatan Sultan Pahang ke tempat terbabit, semua kerja telah pun diberhentikan, tapi oleh kerana laporan telah dibuat, kita menyiasat di bawah akta yang terbabit," katanya.

Menurutnya, pihaknya kini sedang mendapatkan dokumen berkaitan arahan kerja di kawasan tersebut dari pihak berkuasa tanah di Cameron Highlands dan mengambil kenyataan daripada saksi terbabit.

"Sehingga kini kita belum menahan mana-mana pihak dan kerjasama yang diberikan pihak terbabit dengan kes tersebut adalah baik," katanya.

Kes di Cameron Highlands mula mendapat perhatian apabila Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad melahirkan rasa kesal dengan kerja meratakan tanah di situ sehingga merosakkan alam sekitar.

-- BERNAMA

HIS HM